

PM beri sebab tolak tuntutan PBS

UM 19 OCT 1990
KOTA BAHARU 18 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan adalah amat sukar bagi Kerajaan Pusat untuk memenuhi tuntutan Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan untuk menubuhkan stesen televisyennya sendiri di negeri itu.

"Sukar kita nak bagi kebenaran kepadanya, tapi saya tak boleh nak kata apa lagi-lah jika Tengku Razaleigh dah jadi macam Perdana Menteri, kata boleh bagi," katanya.

Perdana Menteri berkata, apa yang sangat menghairankannya ialah sokongan Tengku Razaleigh kepada PBS untuk membentuk stesen televisyen mereka sendiri dengan tujuan untuk menyebarkan agama Kristian.

Bercakap kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan calon-calon dan pemimpin Barisan Nasional negeri di sini beliau berkata:

"PBS hendak menggunakan stesen televisyen itu untuk tujuan menyebarkan agama Kristian dan ini amat sukar untuk Kerajaan Pusat benarkan. Bagaimanapun, seperti kata Datuk Pairin, manifesto PBS sama dengan manifesto Semangat 46.

"Dan Tengku Razaleigh pun dah sokong supaya PBS diberi hak membentuk ste-

LIHAT MUKA 2

TOLAK TUNTUTAN PBS

UM 19 OCT 1990
stesen televisyen seperti mana yang mereka tuntut dan di dalam manifesto PBS, ada diterangkan tujuan-tujuannya untuk mengadakan stesen televisyen."

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan demikian ketika ditanya mengenai permintaan PBS yang mahukan sebuah stesen televisyen khas untuk menyebarkan agama

Kristian di kalangan masyarakat Sabah.

Beliau berkata, Rangkaian Televisyen Malaysia tidak menggunakan televisyen untuk tujuan seperti itu.

"Jadi apabila PBS nak gunakan televisyen untuk tujuan seperti itu, sukar bagi kita nak bagi kebenaran kepadanya," katanya.